



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 APRIL 2016

Dakwaan Tun M dana lesap palsu

BH- 8/4/2016



“
**Kerajaan
bersedia
mengambil
tindakan tegas
terhadap mana-
mana individu
yang terbabit
dalam salah
laku dan
penyalahgunaan
dana 1MDB jika
bukti kukuh
ditemui”**

Najib Razak,
Perdana Menteri



pelbagai dakwaan, termasuk oleh Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa kononnya dana RM42 bilion lesap begitu sahaja daripada akaun syarikat pelaburan strategik milik kerajaan.

“Bagi memastikan penyiasatan ini satu proses yang telus, kami mengarahkan supaya hasil siasatan diserahkan kepada PAC - sebuah badan dwi partisan yang turut dianggotai oleh Ahli Parlimen pembangkang,” katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, selepas melalui proses menyeluruh, PAC kemudian membentangkan penemuan akhir kepada Parlimen berdasarkan fakta, penelitian dan siasatan yang mengambil masa beratus-ratus jam.

» Hasil siasatan PAC bukti dakwaan bekas Perdana Menteri didorong kepentingan peribadi

Oleh Mohd Hamizar Hamid, Rohaniza Idris, Mohd Azrone Sarabatin, Haika Khazi dan Luqman Ariff Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang diumumkan membuktikan dakwaan Tun Dr Mahathir Mohamad kononnya dana bernilai RM42 bilion lesap daripada akaun 1MDB

adalah palsu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menegaskan laporan itu jelas menunjukkan dakwaan Dr Mahathir selama ini kerana didorong oleh kepentingan peribadi dan keinginan menjatuhkan kerajaan, bukan demi kepentingan negara.

Terus perkasa ekonomi

“Kami akan terus fokus kepada rancangan dan memperkasaan ekonomi yang mana telah berterusan menunjukkan ketetapan dalam menghadapi cabaran global,” katanya dalam satu kenyataan bagi mengulas

laporan PAC itu.

Bagaimanapun, Najib berkata, kerajaan akan meneliti dan mengkaji secara serius laporan itu serta menambah baik tadbir urus dan pengurusan dana 1MDB, pada masa depan.

Beliau juga menegaskan kerajaan bersedia mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu yang terbabit dalam salah laku dan penyalahgunaan dana 1MDB jika bukti kukuh ditemui.

“Sebelum ini Kabinet mengarahkan Jabatan Audit Negara (JAN) menjalankan siasatan bebas terhadap 1MDB berikutan

Laporan muktamad

Berikutan itu, Najib mengucapkan terima kasih kepada JAN dan PAC kerana berjaya menyiapkan laporan siasatan 1MDB yang komprehensif, lengkap dan muktamad.

“Laporan berkenaan mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan dan struktur dana 1MDB. Justeru, kita akan mengkaji dan bertindak mengikut cadangan dikemukakan oleh PAC.

“Kita juga akan menjadikan kes ini sebagai pengajaran dan sedia mengambil tindakan tegas jika ada bukti mengenai salah laku,” katanya.